



# STANDARD PROGRAM: PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI

Pengajian Media dan Komunikasi berkembang daripada disiplin di bawah Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial. Ia membawa kepada kewujudan bidang pengkhususan yang berbeza di samping mencetus pelbagai peluang menarik dan profesion mencabar.

Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tel               +603-7968 7002  
Faks             +603-7956 9496  
Emel            akreditasi@mqa.gov.my  
Laman web     www.mqa.gov.my

© Agensi Kelayakan Malaysia 2013

ISBN:

Terbitan ini boleh dimuat turun dari laman web: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

Salinan cetakan boleh didapati daripada:

Bahagian Standard

Agensi Kelayakan Malaysia

## **ISI KANDUNGAN**

Prakata	i
Glosari	iii
Singkatan	viii
1. PENGENALAN	1
2. MATLAMAT PROGRAM	5
3. HASIL PEMBELAJARAN	7
4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM	12
5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR	19
6. PEMILIHAN PELAJAR	25
7. STAF AKADEMIK	30
8. SUMBER PENDIDIKAN	34
9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM	36
10. KEPIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN	37
11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN	39
Rujukan	40

Lampiran

Lampiran 1 : Ahli Panel	41
Lampiran 2 : Korpus Ilmu	42
Lampiran 3 : Cadangan Tatanama Program dalam Bidang Pengajian Media dan Komunikasi	43
Lampiran 4 : Kursus-kursus dalam Pengajian Media dan Komunikasi	45



## PRAKATA

Malaysia merupakan sebuah negara yang subur dengan bidang pengajian media dan komunikasi. Banyak universiti dan kolej universiti awam dan swasta menawarkan pelbagai bidang pengajian media dan komunikasi pada peringkat ijazah sarjana muda hinggalah ke peringkat doktor falsafah. Bagaimanapun, terdapat juga program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) pada peringkat sijil dan diploma bagi memenuhi permintaan industri media dan komunikasi serta bidang-bidang berkaitan.

Perkara ini berbeza dengan situasi pada penghujung 1960-an atau awal 1970-an apabila terdapat cadangan untuk mewujudkan program kewartawanan yang merupakan salah satu bidang pengajian media dan komunikasi di peringkat universiti. Ini tidak diterima kerana bidang kewartawanan dianggap tidak sesuai sebagai kursus pengajian di peringkat universiti. Namun begitu, terdapat PPT yang telah menyahut cabaran ini dengan memperkenalkan bidang baru dan juga bidang-bidang lain di bawah pengajian media dan komunikasi.

Sejak itu, banyak PPT telah mewujudkan kursus pengajian media dan komunikasi sebagai salah satu program yang ditawarkan. Oleh itu, standard program yang diwujudkan ini dapat membantu PPT dalam merumuskan penawaran program dalam bidang pengajian media dan komunikasi. Standard program ini meletakkan dengan tepat bidang pengajian media dan komunikasi di bawah disiplin sastera, kemanusiaan dan sains sosial. Hal ini kerana bidang pengajian media dan komunikasi merupakan salah satu bidang berasal daripada disiplin tersebut. Oleh itu, adalah penting menerapkan kursus daripada disiplin yang disebutkan seperti sejarah, falsafah, ekonomi, sains politik, psikologi, kesusasteraan, pengajian bahasa dan kajian gender dalam kurikulum yang dibentuk di bawah bidang pengajian media dan komunikasi.

Selain penawaran sedia ada seperti pengiklanan, kewartawanan, perhubungan awam dan juga perfileman, terdapat juga program baru yang diolah dan diperkenalkan seperti komunikasi korporat, pengajian budaya, media baru dan media sosial, agama dan komunikasi serta pelbagai lagi. Pada masa hadapan adalah dijangkakan, program-program baru akan ditawarkan dalam bidang pengajian media

dan komunikasi kerana bidang media dan komunikasi dan aspek-aspek kehidupan manusia akan terus berkembang.

Dokumen ini memberi panduan terperinci berkenaan dengan kriteria yang perlu dipenuhi oleh setiap peringkat pengajian; Sijil (Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM Tahap 3), Diploma (KKM Tahap 4), Ijazah Sarjana Muda (KKM Tahap 6), Ijazah Sarjana (KKM Tahap 7) dan PhD (KKM Tahap 8). Dokumen ini menggariskan secara komprehensif mod pengajian peringkat siswazah dan pascasiswazah. Ini termasuklah kerja kursus, kerja kursus dan kertas projek, kerja kursus dan latihan akademik, kerja kursus dan disertasi serta tesis.

Dalam proses menyiapkan standard program, ahli panel telah memberi perhatian terhadap perubahan environmen pengajian tinggi di Malaysia. Satu daripada perubahan tersebut ialah penubuhan kampus cawangan universiti luar negara di sini. Beberapa amalan baik yang dibawa oleh universiti luar negara tersebut telah diterapkan ke dalam standard program ini seperti penilaian berterusan di peringkat PhD. PPT kini mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan proses 'viva' sebagai amalan konvensional di akhir pengajian atau sebagai penilaian berterusan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli panel, ahli panel penilai, pihak berkepentingan dan tiga buah PPT yang terlibat dalam penilaian perintis yang telah bekerja dengan gigih dan penuh dedikasi demi menjayakan Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi ini.

Dato' Dr. Syed Ahmad Hussein  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)  
2013

## GLOSARI

- 1) Disertasi  
Dokumentasi penyelidikan asli yang disediakan dan dikemukakan oleh calon bagi tujuan penganugerahan ijazah sarjana secara penyelidikan dan mod campuran.
- 2) Hasil Pembelajaran  
Pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan apabila tamat suatu tempoh pengajian.
- 3) *Internship/*  
Latihan Industri  
Suatu tempoh dalam program apabila pelajar ditempatkan secara konvensional dalam industri untuk mengalami suasana kerja sebenar.  
  
Walaupun bagaimanapun, dengan penyeliaan sewajarnya oleh PPT, pelajar boleh ditempatkan secara tidak konvensional di luar industri bagi meneroka ufuk kreatif melalui media baru.
- 4) Jaminan Kualiti  
Merangkumi tindakan-tindakan sistematik dan terancang (dasar, strategi, sikap, prosedur dan aktiviti) bertujuan menunjukkan sejauh mungkin bahawa kualiti dicapai, dipertahan dan diperingkatkan, selaras dengan standard khusus pengajaran, kesarjanaan, penyelidikan dan juga pengalaman pembelajaran pelajar.
- 5) Kemahiran Keusahawanan  
Pada peringkat pra-ijazah/ijazah pertama, ia bermaksud keupayaan graduan menyesuaikan diri secara kreatif dan berjaya dalam industri.



Pada peringkat pascaijazah, ia bermaksud graduan telah memperoleh sifat yang diperlukan seperti keupayaan mengambil risiko terutamanya dalam merintis pengetahuan baru, menjadi ahli pasukan yang baik, dan pengurus yang berwawasan.

Ini boleh ditunjukkan melalui penganjuran dan pembentangan di seminar, bengkel, persidangan dan penerbitan.

- |                          |  |
|--------------------------|--|
| 6) Matlamat Program      | Satu pernyataan menyeluruh tentang tujuan, falsafah dan rasional dalam penawaran sesuatu program.  |
| 7) Modul                 | Komponen-komponen sesuatu program. Istilah 'modul' digunakan secara bertukar ganti dengan istilah-istilah subjek, unit atau kursus.  |
| 8) Objektif Program      | Pernyataan khusus tentang apa yang harus dipelajari oleh seseorang pelajar untuk mencapai matlamat program.  |
| 9) Penilaian Akhir       | Penilaian kemajuan pelajar dilakukan pada akhir kursus melalui peperiksaan formal bertulis.  |
| 10) Penilaian Berterusan | Penilaian tahap kemajuan pelajar dilakukan sepanjang kursus melalui beberapa siri tugas. Tugas yang diberikan tidak terhad kepada esei, kuiz, ujian pertengahan, pembentangan lisan, projek individu/kumpulan dan peperiksaan akhir. |
| 11) Penilaian Formatif   | Penilaian prestasi pelajar sepanjang tempoh  |

- kursus yang menggunakan maklum balas aktiviti pembelajaran untuk meningkatkan prestasi pelajar.
- 12) Penilaian Sumatif Penilaian pembelajaran yang merumuskan kemajuan pelajar dalam tempoh tertentu dan digunakan untuk menggred kursus pelajar.
- 13) Pihak Berkepentingan Ini termasuk rakan industri, masyarakat sivil (Badan Bukan Kerajaan, NGO), penilai luar, alumni, pelajar, ibu bapa, staf akademik dan majikan.
- 14) Projek Penyelidikan Dokumentasi komponen penyelidikan yang disediakan dan dikemukakan oleh calon untuk tujuan penganugerahan ijazah sarjana secara kerja kursus.
- 15) Program Susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan.
- 16) Teras Disiplin Modul yang diperlukan untuk disiplin spesifik yang berkaitan dengan program Pengajian Media dan Komunikasi.
- 17) Teras Umum Modul yang diperlukan untuk semua disiplin yang berkaitan dengan program Pengajian Media dan Komunikasi.
- 18) Tesis Dokumentasi penyelidikan asli yang disediakan dan dikemukakan oleh calon untuk penganugerahan PhD secara penyelidikan dan

mod campuran.

19) Viva Voce

Peperiksaan lisan terhadap kemahiran komunikasi pelajar dan pengetahuan yang relevan daripada tesis atau disertasi mereka di peringkat pencalonan atau di akhir pencalonan.

**SINGKATAN**

COPIA	Kod Amalan Audit Institusi
COPPA	Kod Amalan Akreditasi Program
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan
IELTS	<i>International English Language Testing System</i>
GGP	Garis Panduan Amalan Baik
KKM	Kerangka Kelayakan Malaysia
MOE	Kementerian Pendidikan Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQR	Daftar Kelayakan Malaysia
NGMP	Nilai Gred Mata Pelajaran
NGO	Badan Bukan Kerajaan
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SP	Standard Program
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TOEFL	<i>Test of English as A Foreign Language</i>



## 1. PENGENALAN

Pengajian media dan komunikasi dalam bentuk akademik yang formal dan berstruktur telah berkembang dengan pesat di seluruh dunia sejak 60 tahun lalu. Bermula dengan keprihatinan awal terhadap kesan-kesan negatif media massa dan budaya massa oleh ahli teori elit dan budaya tinggi seperti F.R. Leavis dan Matthew Arnold, dan kebimbangan yang dinyatakan oleh Pemikiran Frankfurt, mengenai penyebaran Fahaman Fasis, kajian terhadap – dan pengajaran mengenai – media dan komunikasi telah berkembang kepada menilai struktur dan dasar, pengeluaran dan proses, profesion, artifak dan semestinya impak media dan komunikasi terutamanya di negara-negara membangun.

Pengajian yang kini dikenali sebagai 'Industri Kreatif' telah berkembang ke arah dua aliran yang biasanya berbeza dan bertentangan antara satu sama lain iaitu kemahiran vokasional dan teori. Aliran kemahiran vokasional lebih menjurus ke arah penghasilan (filem, program televisyen, bahan cetakan, dll.), manakala aliran teori menjurus ke arah nyahpenghasilan.

Bagi memenuhi keperluan penghasilan yang menekankan kepada pendekatan pendidikan fungsionalis dan utilitarian, tujuan utama – jika tidak satu-satunya – pengajian media dan komunikasi ialah untuk menyediakan sumber manusia kepada negara dan pasaran. Justeru, wujudnya hasrat untuk menyediakan latihan teknikal melalui program dan institusi formal seperti pusat pengajian dan program Kewartawanan, Perfileman, Pengiklanan, Perhubungan Awam, Percetakan dan Penyiaran.

Sebaliknya, tumpuan aliran nyahpenghasilan – secara amnya kerana terdapat pendekatan teoretikal yang bertujuan untuk mengekalkan status quo – adalah usaha untuk melihat hubungan antara media dan komunikasi dengan ideologi, budaya dan suasana ekonomi yang lebih luas, juga mempersoal legitimasi negara, pasaran dan industri kreatif. Daripada tradisi ini lahir dan berkembanglah cabang pengajian yang kini lebih dikenali sebagai Pengajian Media, Pengajian Komunikasi dan malah Pengajian Budaya.

Semenjak pengajian media dan komunikasi diperkenalkan di institusi pengajian tinggi di Malaysia pada tahun 1970-an, bidang tersebut telah banyak dipengaruhi oleh pelbagai aliran. Keperluan untuk menjadikan pengajian ini relevan kepada pasaran kerja adalah amat penting, lebih-lebih lagi tahun 1970-an adalah tempoh pembangunan semula Malaysia di mana tanggungjawab media dalam proses ini adalah dominan.

Cadangan asal untuk mewujudkan bidang pengajian media dan komunikasi sebagai bidang pengajian formal diketengahkan pada awal tahun 1970-an di mana pada ketika itu, Malaysia hanya mempunyai dua buah universiti iaitu Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Pada mulanya, cadangan tersebut telah ditolak kerana bilangan universiti yang terhad dan kurangnya kemudahan untuk memenuhi kriteria pengajian yang berteraskan praktikal. Namun demikian, USM telah menyahut cabaran dengan memperkenalkan kursus komunikasi di bawah Pusat Pengajian Kemanusiaan pada tahun 1971. Seterusnya, pada tahun 1972, Institut Teknologi MARA (ITM, sekarang Universiti Teknologi MARA, UiTM) pula memperkenalkan Diploma Komunikasi Massa di bawah Fakulti Komunikasi yang baru ditubuhkan di kampus Shah Alam, Selangor.

Sebagai sebuah negara membangun pascakolonial, kursus-kursus pengajian yang ditawarkan di kedua-dua institusi pengajian tinggi tersebut adalah sama dengan yang ditawarkan di tempat lain – dalam hal ini dari Amerika Syarikat – tapi dikendalikan oleh ekspatriat dari Amerika Syarikat. Sesungguhnya, Universiti Ohio di Athens bukan sahaja memberi 'templat' kursus-kursus untuk program Diploma di ITM malah menyediakan staf akademik seperti Prof. Ralph Kliesch untuk memulakan program Diploma di ITM. Seterusnya, ramai daripada staf awal di ITM mendapat ijazah lebih tinggi dari Ohio. Melalui staf ini, kursus-kursus praktikal, kurikulum dan pengkhususan seperti Kewartawanan, Perhubungan Awam, Pengiklanan dan kemudiannya Perfileman dan Penyiaran diperkenalkan. Situasi yang sama turut berlaku di institusi lain seperti USM dan kemudiannya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana hampir kesemua staf dihantar ke Amerika Syarikat untuk menyambung pengajian pascasiswazah, dan jelas sekali mereka terkesan juga terpengaruh oleh ideologi yang diterapkan. Lagipun, pada waktu itu era Perang Dingin.

Sepanjang akhir 1980-an sehingga kini, perubahan ketara dirasai dalam bidang pengajian media dan komunikasi di Malaysia. Hal ini dipengaruhi oleh perkembangan pesat bidang pengajian media dan komunikasi di peringkat antarabangsa dan kemunculan generasi baru sarjana komunikasi yang pada zahirnya tidak ramai tetapi lantang bersuara, dan mempunyai perspektif yang berbeza dan selalunya bertentangan dengan apa yang dimaksudkan dengan 'Pengajian Media dan Komunikasi'. Ini berterusan hingga kini.

Berdasarkan **Lampiran 2**, Pengajian Media dan Komunikasi berkembang daripada disiplin sedia ada yang mantap di bawah Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial. Daripada situasi yang sentiasa berkembang ini wujudlah bidang pengkhususan yang berbeza seperti Pengajian Media, Penyiaran, Kewartawanan, Pengiklanan dan Media Sosial. Hasil daripada perkembangan ini, wujud pelbagai peluang menarik dan cabaran kepada individu yang ingin berkecimpung dalam kerjaya seperti Wartawan dalam Talian, Pengarah Kreatif, Perancang Media, Wartawan Penyiaran, Pembikin Filem, Penulis Kreatif, Penerbit Elektronik dan Pengarah Strategik Penjenamaan/Komunikasi.

Perkembangan pesat dalam media baru dan media sosial serta peningkatan media transnasional dan digital, dan pastinya, perkembangan program media dan komunikasi di Malaysia, seperti di tempat lain yang melibatkan pendigitalan dan penggabungan media turut menyumbang ke arah keperluan dan kepentingan dalam mewujudkan standard program.

Dokumen ini memberi panduan terperinci mengenai perkara-perkara yang merangkumi setiap peringkat pengajian; Sijil (Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM Tahap 3), Diploma (KKM Tahap 4), Ijazah Sarjana Muda (KKM Tahap 6), Ijazah Sarjana (KKM Tahap 7) dan PhD (KKM Tahap 8).

Mod pengajian pada peringkat siswazah dan pascasiswazah disertakan secara komprehensif. Ini merangkumi kerja kursus, kerja kursus dan kertas projek, kerja kursus dan latihan akademik, kerja kursus dan disertasi serta tesis.

PPT di Malaysia mengamalkan lima pendekatan utama dalam penawaran program. Pendekatan tersebut adalah:



- 1) Satu Major  
Contoh: Sijil Pengiklanan, Diploma Komunikasi dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa
- 2) *Major-minor*  
Contoh: Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Komunikasi Global DENGAN Bahasa Inggeris
- 3) Pengkhususan  
Contoh: Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi (Pengiklanan)
- 4) Dwi Major  
Contoh: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa DAN Perhubungan Awam
- 5) Dwi Ijazah  
Contoh: Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk dokumen “Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum”, MQA, 2012. Sampel cadangan tatanama disertakan dalam **Lampiran 3**.

## 4

Standard Program ini dihasilkan sebagai panduan untuk program Pengajian Media dan Komunikasi. Justeru, adalah penting dokumen ini dibaca bersekali dengan lain-lain dokumen jaminan kualiti serta polisi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan agensi lain yang berkenaan. Ini meliputi tetapi tidak terhad kepada:

1. Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)
2. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
3. Kod Amalan Audit Institusi (COPIA)
4. Garis Panduan Amalan Baik (GGP)
5. Standard yang relevan

## 2. MATLAMAT PROGRAM

Matlamat dapat dijelaskan sebagai pernyataan umum hasrat pembelajaran dan pengajaran, yang merangkumi kandungan umum dan hala tuju program.

“Matlamat sesuatu program menggambarkan apa yang perlu dicapai oleh pelajar. Adalah penting matlamat ini disebar luas dengan jelas kepada pelajar dan pihak berkepentingan yang lain” (COPPA, 2010, ms.16).

### **SIJIL** (Kerangka Kelayakan Malaysia, KKM Tahap 3)

Matlamat program di peringkat Sijil adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan awal, kemahiran dan kompetensi asas yang secara umumnya bukan akademik untuk membolehkan pelajar diambil bekerja dalam industri media dan komunikasi.

### **DIPLOMA** (KKM Tahap 4)

Matlamat program di peringkat Diploma bertujuan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran vokasional untuk melayakkan mereka diambil bekerja di peringkat pertengahan dalam industri media dan komunikasi serta membolehkan mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

### **IJAZAH SARJANA MUDA** (KKM Tahap 6)

Matlamat program di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran sebagai seorang profesional. Ini bagi membolehkan mereka menganalisis dan menambah baik industri media dan komunikasi tempatan dan global serta menerajui dan bertanggungjawab dalam pembangunan industri. Sebagai tambahan, matlamat ini bertujuan menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

### **IJAZAH SARJANA** (KKM Tahap 7)

Matlamat program di peringkat Ijazah Sarjana adalah untuk menyediakan graduan dengan pengetahuan lanjutan dan juga melengkapkan mereka dengan kemahiran kepimpinan dan keupayaan untuk berkomunikasi secara kritikal, objektif dan kreatif

seperti yang diperlukan oleh masyarakat kontemporari, di samping mengikuti pembelajaran secara berterusan.

Nota:

Tiga mod pengajian di peringkat Ijazah Sarjana ialah secara kerja kursus, mod campuran dan penyelidikan. Justeru, program ini dapat memberi pengetahuan lanjutan kepada graduan disamping memberi kebolehan untuk menjalankan penyelidikan dan menyelesaikan masalah secara efektif dalam industri media dan komunikasi.

#### **PhD (KKM Tahap 8)**

Matlamat program di peringkat PhD bertujuan untuk menyediakan graduan dengan pengetahuan mendalam, kualiti kepimpinan kesarjanaan dan keupayaan berkomunikasi secara kritikal, objektif dan kreatif sebagaimana yang diperlukan dalam akademia, mengenal pasti dan menyelesaikan masalah, menjalankan penyelidikan termaju dan menyumbang pada peningkatan pengetahuan dan etika, di samping mengikuti pembelajaran secara berterusan.

### 3. HASIL PEMBELAJARAN

Hasil Pembelajaran adalah satu pernyataan terperinci yang jelas tentang pencapaian pelajar yang boleh dicapai serta dinilai pada akhir tempoh pengajian.

“Kualiti program akhirnya akan ditentukan oleh keupayaan pelajar melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diharapkan dalam masyarakat. Hal ini memerlukan satu pernyataan jelas tentang hasil pembelajaran yang diharap dicapai oleh pelajar tersebut” (COPPA, 2010, ms.15).

“Hasil pembelajaran **secara kumulatif harus mencerminkan lapan domain hasil pembelajaran** yang penting bagi Malaysia” (MQF, 2007, Perenggan 15, ms.4) dan berkaitan dengan pelbagai tahap taksonomi dan seiring dengan perkembangan nasional dan global.

Lapan domain hasil pembelajaran adalah:

- i. pengetahuan;
- ii. kemahiran praktikal;
- iii. kemahiran dan tanggungjawab sosial;
- iv. nilai, sikap dan profesionalisme;
- v. kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan;
- vi. kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dan;
- vii. kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan
- viii. kemahiran mengurus dan keusahawanan.

## SIJIL

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya mampu:

- i. mempamerkan pemahaman asas dalam bidang media dan komunikasi;
- ii. mengenal pasti isu-isu sosial, perundangan dan etika dalam profesion media dan komunikasi;
- iii. menunjukkan kaitan antara profesionalisme dan nilai-nilai kemanusiaan dalam bidang media;
- iv. mempamerkan kebolehan menggunakan perkakasan dan perisian berkaitan media;
- v. berkomunikasi dengan efektif secara individu mahupun berkumpulan;
- vi. membantu mengumpul data kajian dalam menyelesaikan masalah media;
- vii. mempamerkan kemahiran analitikal asas bagi persediaan untuk mengikuti pembelajaran secara berterusan; dan
- viii. menggunakan kemahiran asas vokasional dan keusahawanan dalam aktiviti seharian.

## DIPLOMA

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya mampu:

- i. mempamerkan kemahiran profesional dan vokasional dalam bidang media dan komunikasi;
- ii. mempraktikkan model komunikasi bagi memahami kesan perubahan kepada masyarakat;
- iii. mengenal pasti isu-isu sosial, kebudayaan, global, tanggungjawab alam sekitar, perundangan dan etika yang dihadapi pengamal media dan komunikasi dalam kegiatan professional mereka;
- iv. mengenal pasti kaitan antara profesionalisme dan nilai-nilai kemanusiaan dalam bidang media melalui pelbagai aplikasi praktikal dan kerangka teoretikal;
- v. berkomunikasi secara efektif, sama ada secara individu mahupun berkumpulan;
- vi. mempamerkan kebolehan menggunakan perkakasan dan perisian media berkaitan media digital,ewartawanan, pengiklanan, penyiaran, perhubungan awam, reka bentuk grafik, multimedia dan fotografi;

- vii. mengendalikan penyelidikan media dan komunikasi serta mengenal pasti penyelesaian bagi keputusan yang perlu diambil dalam pelbagai bidang pengkhususan komunikasi;
- viii. membangunkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal yang bersesuaian sebagai persediaan untuk mengikuti pembelajaran secara berterusan;
- ix. mempamerkan kefahaman terhadap impak perubahan teknologi media dan komunikasi, polisi dan struktur kepada masyarakat; dan
- x. mengaplikasi asas perniagaan dan perspektif dunia sebenar serta mempamerkan kemahiran keusahawanan.

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya mampu:

- i. mempamerkan kemahiran profesional, vokasional dan penyelidikan dalam media dan komunikasi;
- ii. mengaplikasi model dan teori media dan komunikasi melalui kefahaman mengenai impak perubahan terhadap masyarakat;
- iii. menginterpretasi isu-isu sosial, kebudayaan, global, tanggungjawab alam sekitar, perundangan dan etika yang dihadapi pengamal media dan komunikasi dalam kegiatan profesional mereka;
- iv. mengenal pasti kaitan antara profesionalisme dan nilai-nilai kemanusiaan dalam bidang media melalui pelbagai aplikasi praktikal dan kerangka teoretikal, kaedah dan teknik penyelidikan;
- v. berkomunikasi secara efektif, sama ada secara individu mahupun berkumpulan;
- vi. mempamerkan kebolehan menggunakan perkakasan dan perisian media berkaitan media digital,ewartawanan, pengiklanan, penyiaran, perhubungan awam, reka bentuk grafik, multimedia dan fotografi;
- vii. menganalisis dan menginterpretasi data kajian media dan komunikasi, mencadangkan penyelesaian dan menjustifikasi langkah yang perlu diambil dalam pelbagai bidang pengkhususan komunikasi;
- viii. membangunkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal yang bersesuaian sebagai persediaan untuk mengikuti pembelajaran secara berterusan;

- ix. mempamerkan kefahaman mengenai impak perubahan teknologi media dan komunikasi, polisi dan struktur terhadap persekitaran sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik;
- x. mengaplikasi aktiviti perniagaan secara meluas dan perspektif dunia sebenar; dan
- xi. mempamerkan kemahiran sosial dan keusahawanan di samping menerapkan semangat berinovasi.

### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS, MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya mampu:

- i. mempamerkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang media dan komunikasi tempatan dan global;
- ii. mengaplikasi kemahiran praktikal dalam bidang media dan komunikasi;
- iii. mengaitkan isu-isu kemasyarakatan dalam bidang media dan komunikasi;
- iv. mengendalikan penyelidikan dengan seliaan bersesuaian dan mematuhi perundangan, etika dan kod amalan profesional;
- v. mempamerkan kualiti kepimpinan;
- vi. mempamerkan kefahaman mengenai impak perubahan teknologi media dan komunikasi, polisi dan struktur terhadap persekitaran sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik;
- vii. berkomunikasi dan bekerja secara efektif dengan ahli akademik dan pihak berkepentingan untuk menjana penyelesaian masalah menggunakan kemahiran pemikiran kritikal, analitikal dan saintifik;
- viii. mengurus maklumat untuk pembelajaran secara berterusan; dan
- ix. mempamerkan kemahiran sosial dan keusahawanan di samping menerapkan semangat berinovasi.

### **PhD SECARA MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

Selepas tamat pengajian, graduan seharusnya mampu:

- i. mensintesis dan menilai pengetahuan untuk menyumbang ke arah penyelidikan asli bagi meluaskan ufuk ilmu dan meramalkan aliran baru dalam bidang media dan komunikasi tempatan dan global;
- ii. mengadaptasi kemahiran praktikal ke arah inovasi idea dalam bidang media dan komunikasi;

- iii. memberi nasihat ilmiah kepada masyarakat dalam bidang media dan komunikasi;
- iv. mengendalikan penyelidikan secara bebas dan mematuhi perundangan, etika dan kod amalan profesional;
- v. mempamerkan kualiti kepimpinan;
- vi. berkomunikasi dan bekerja secara efektif dengan ahli akademik dan pihak berkepentingan untuk menjana penyelesaian masalah menggunakan kemahiran pemikiran kritikal, analitikal dan saintifik;
- vii. menilai masalah dalam bidang media dan komunikasi secara kritikal dengan menggunakan kemahiran saintifik;
- viii. menyepadukan maklumat untuk pembelajaran secara berterusan; dan
- ix. mempamerkan kemahiran sosial dan keusahawanan di samping menerapkan semangat berinovasi.



#### 4. REKA BENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

“Istilah ‘reka bentuk dan penyampaian kurikulum’ digunakan secara bertukar ganti dengan istilah ‘reka bentuk dan penyampaian program’. ‘Program’ bermaksud susunan modul yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dan peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan yang lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan” (COPPA, 2010, ms.18).

Bahagian ini mengandungi pernyataan berkaitan struktur dan cara penyampaian program-program di bawah bidang Pengajian Media dan Komunikasi. Matriks di bawah mewakili kelayakan minimum bagi setiap peringkat pengajian. Keperluan spesifik mengenai korpus ilmu untuk pelbagai disiplin dinyatakan pada **Lampiran 4**.

Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) digalakkan untuk membangunkan program yang mencerminkan amalan baik semasa dan mencapai standard yang lebih tinggi.

Latihan industri adalah penting dalam membina kematangan dan pengalaman pelajar. Oleh itu, PPT perlu menyediakan unit minimum bagi memenuhi tujuan tersebut dengan formula 1 kredit = 2 minggu latihan industri. Secara idealnya, latihan tersebut harus dijalankan di dalam industri sebenar, tetapi boleh dijalankan secara dalaman dengan penyeliaan yang sempurna oleh PPT berkenaan melalui penglibatan pihak industri. Selain daripada latihan industri konvensional, PPT boleh menerokai ufuk kreatif dengan memanfaatkan media baru.

<b>SIJIL</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 60</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	12 – 23	7 – 14
Modul Teras (Umum & Disiplin)	70 – 88	42 – 53
Latihan Industri	0 – 7	0 – 4
Jumlah	100	60

\*7 – 9 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Kelas praktikal
- Kerja makmal

<b>DIPLOMA</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 90</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	10 – 17	9 – 15
Modul Teras (Umum & Disiplin)	71 – 77	64 – 69
Modul Elektif	3 – 10	3 – 9
Latihan Industri	2 – 10	2 – 9
Jumlah	100	90

\*9 – 11 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Kelas praktikal

- Kerja makmal
- Lawatan lapangan
- *Blended learning*
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

<b>IJAZAH SARJANA MUDA</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 120</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Wajib (Modul Umum* dan Modul PPT)	10 – 17	12 – 20
Modul Teras (Umum & Disiplin)	63 – 80	76 – 96
Modul Elektif	5 – 10	6 – 12
Latihan Industri	5 – 10	6 – 12
Jumlah	100	120

\*12 – 14 kredit seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### **Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial
- Kelas praktikal
- Kerja makmal
- Lawatan/Kerja lapangan
- Lakon peranan/Simulasi
- Kajian kes
- *Blended learning*
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS		
Kredit Bergraduat Minimum – 40		
Komponen	Peratusan (%)	Kredit
Modul Teras (Umum & Disiplin)	55 – 70	22 – 28
Modul Elektif	15 – 30	6 – 12
Projek Penyelidikan	0 – 30	0 – 12
Jumlah	100	40

Nota:

1. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
2. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi laporan projek harus tidak melebihi 15,000 patah perkataan.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial (bagi pelajar yang mengaudit kelas teori dan kelas metodologi penyelidikan)
- Seminar
- Kelas praktikal
- Kerja makmal
- Lawatan lapangan
- Kajian kes
- Pembelajaran berteraskan penyelesaian masalah
- *Blended learning*
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

**IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN****Kredit Bergraduat Minimum – 40**

<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Module Teras (Umum & Disiplin)	30 – 50	12 – 20
Modul Elektif		
Disertasi	50 – 70	20 – 28
Jumlah	100	40

Nota:

1. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
2. Nisbah kerja kursus kepada disertasi ialah 50:50 atau 40:60 atau 30:70.
3. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi disertasi ialah 20,000, 30,000 dan 40,000, berdasarkan nisbah 50:50, 40:60 dan 30:70.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial (bagi pelajar yang mengaudit kelas teori dan kelas metodologi penyelidikan)
- Seminar
- Kelas praktikal
- Kerja makmal
- Lawatan lapangan
- Kajian kes
- *Problem-based learning*
- *Blended learning*
- Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh

<b>IJAZAH SARJANA SECARA PENYELIDIKAN</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Disertasi	100	Tiada nilai kredit diberikan

Nota:

1. Calon telah mengikuti kursus metodologi penyelidikan.
2. Syarat-syarat berikut mesti ditetapkan oleh PPT:
  - a) Kursus prasyarat yang relevan
  - b) Tempoh maksimum pengajian calon
  - c) Format disertasi
3. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi disertasi tidak melebihi 60,000.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial (bagi pelajar yang mengaudit kelas teori dan kelas metodologi penyelidikan)
- Konsultasi/Penyeliaan
- Seminar/Kolokium

<b>PhD SECARA MOD CAMPURAN</b>		
<b>Kredit Bergraduat Minimum – 80</b>		
<b>Komponen</b>	<b>Peratusan (%)</b>	<b>Kredit</b>
Modul Teras (Umum & Disiplin)	30 – 50	24 – 40
Modul Elektif		
Tesis	50 – 70	40 – 56
Jumlah	100	80

Nota:

1. Komponen kerja kursus mesti merangkumi kursus teori dan kursus metodologi penyelidikan.
2. Nisbah kerja kursus kepada tesis ialah 50:50 atau 40:60 atau 30:70.
3. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi tesis ialah 50,000, 60,000 dan 70,000, berdasarkan nisbah 50:50, 40:60 dan 30:70.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial (bagi pelajar yang mengaudit kelas teori dan kelas metodologi penyelidikan)
- Konsultasi/Penyeliaan
- Seminar/Kolokium

PhD SECARA PENYELIDIKAN		
Komponen	Peratusan (%)	Kredit
Tesis	100	Tiada nilai kredit diberikan

**Nota:**

1. Calon telah mengikuti kursus metodologi penyelidikan.
2. Syarat-syarat berikut mesti ditetapkan oleh PPT:
  - a) Kursus prasyarat yang relevan
  - b) Tempoh maksimum pengajian calon
  - c) Format tesis
3. Jumlah perkataan yang disyorkan bagi tesis tidak melebihi 100,000.

**Kaedah penyampaian yang dicadangkan:**

- Kuliah
- Tutorial (bagi pelajar yang mengaudit kelas teori dan kelas metodologi penyelidikan)
- Konsultasi/Penyeliaan
- Seminar/Kolokium

## 5. PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR

“Penilaian pelajar merupakan satu aspek yang cukup penting dalam jaminan kualiti disebabkan ia mampu mendorong pembelajaran. Ia merupakan salah satu langkah yang amat berguna untuk menunjukkan pencapaian hasil pembelajaran. Hasil penilaian ini juga merupakan asas penganugerahan kelayakan. Justeru, kaedah penilaian pelajar perlulah jelas, konsisten, berkesan, dipercayai serta selari dengan amalan-amalan terkini dan mesti secara jelas membantu pencapaian hasil pembelajaran” (COPPA, 2010, ms.22).

Kaedah penilaian bergantung kepada keperluan khusus setiap modul. Namun, sebagai panduan umum, perkara-perkara berikut harus diambil kira:

- i. Gabungan pelbagai kaedah penilaian harus digunakan bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran.
- ii. Penilaian sumatif dan formatif patut diambil kira.
- iii. Pengetahuan dan kefahaman (domain kognitif) terhadap teori dan kemahiran praktikal harus dinilai menerusi penulisan, lisan atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.
- iv. Kemahiran insaniah perlu dianalisis melalui unsur-unsur seperti gaya, identiti peribadi, keyakinan diri, kualiti inovasi dan daya kreativiti.
- v. Dalam melaksanakan penilaian berterusan dan akhir, calon dikehendaki memperoleh status lulus secara keseluruhan. Status lulus menunjukkan pemeriksa berpuas hati bahawa calon telah mencapai hasil pembelajaran dalam mata pelajaran tertentu.

Untuk Ijazah Sarjana dan PhD **secara Penyelidikan sahaja:**

- i. Penilaian formatif mesti merangkumi:
  - a) Pemantauan kemajuan penyelidikan secara berkala (contohnya, melalui laporan kemajuan atau pembentangan cadangan).  
Ini akan menilai pengetahuan dan kemahiran calon dalam pemikiran kritikal, praktikal, teknikal, profesional, saintifik, dan penyelesaian masalah.
  - b) Pembentangan penyelidikan/kolokium/seminar/bengkel.



Ini akan meningkatkan kemahiran calon dalam komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, kemahiran organisasi, pembelajaran sepanjang hayat dan profesionalisme.

- ii. Penilaian sumatif digunakan untuk menilai semua hasil pembelajaran program Sarjana, dan mesti merangkumi:
  - a) Penyelesaian semua kursus yang telah ditetapkan;
  - b) Disertasi; dan
  - c) Viva voce (jika diperlukan oleh PPT).
  
- iii. Penilaian sumatif digunakan untuk menilai semua hasil pembelajaran program PhD, dan mesti merangkumi:
  - a) Penyelesaian semua kursus yang telah ditetapkan;
  - b) Tesis; dan
  - c) Viva voce.

Jenis-jenis penilaian yang dinyatakan di bawah adalah **contoh sahaja**. PPT digalakkan menggunakan pelbagai kaedah dan alat yang bersesuaian untuk mengukur hasil pembelajaran dan kompetensi.

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
Sijil	70 – 100	0 – 30	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian bertulis</li> <li>• Penilaian praktikal bersama pembentangan lisan</li> </ul>
Diploma	50 – 100	0 – 50	
Ijazah Sarjana Muda	40 – 100	0 – 60	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Kuiz, Esei, Ujian, Peperiksaan, Kertas Projek, Kajian Kes,</li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
			Penulisan Berita dan Penulisan Kreatif, dan Tugas) <b>• Penilaian Praktikal</b> (Contoh: Laporan <i>Internship</i> , Penerbitan Audio dan Video, Pengurusan Acara, Bengkel, Pameran dan Pembentangan Lisan)
Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus	50 – 100	0 – 50	<b>• Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Projek Penyelidikan, Esei, Peperiksaan, Peperiksaan Komprehensif, Kertas Projek dan Kajian Kes) <b>• Penilaian Praktikal</b> (Contoh: Penerbitan Audio dan Video, Pengurusan Acara, Bengkel, Pameran dan Pembentangan Lisan)

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
Ijazah Sarjana secara Mod Campuran	30 – 50	50 – 70	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Disertasi, Esei, Peperiksaan, Kertas Projek dan Kajian Kes)</li> <li>• <b>Penilaian Praktikal</b> (Contoh: Penerbitan Audio dan Video, Pengurusan Acara, Bengkel, Pameran dan Pembentangan Lisan)</li> </ul>
Ijazah Sarjana secara Penyelidikan	–	–	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Disertasi)</li> <li>• <b>Penilaian Praktikal</b> (Contoh: Pembentangan dan <i>Viva voce</i> (jika diperlukan oleh PPT))</li> </ul>
Phd secara Mod Campuran	30 – 50	50 – 70	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Tesis, Esei, Peperiksaan, Peperiksaan Komprehensif, Kertas Projek dan Kajian Kes)</li> <li>• <b>Penilaian Praktikal</b></li> </ul>

KELAYAKAN	MODUL		KAEDAH PENILAIAN YANG DICADANGKAN
	PENILAIAN BERTERUSAN (%)	PENILAIAN AKHIR (%)	
			(Contoh: Pembentangan dalam Seminar dan Pembentangan Lisan)
PhD secara Penyelidikan	-	-	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Penilaian Bertulis</b> (Contoh: Tesis)</li> <li>• <b>Penilaian Praktikal</b> (Contoh: Pembentangan dan <i>Viva voce</i>)</li> </ul>

Mata pelajaran yang ditawarkan dalam pengajian media dan komunikasi boleh dikategorikan berasaskan kemahiran, teori dan kombinasi kedua-duanya. Bagi sesetengah mata pelajaran berasaskan kemahiran, kemungkinan tidak ada penilaian akhir (100% penilaian berterusan).

Nota:

Komposisi pemeriksa disertasi/tesis adalah seperti berikut:

1. Ijazah Sarjana secara Mod Campuran  
Disertasi wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa.
2. Ijazah Sarjana secara Penyelidikan  
Disertasi wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa, salah seorangnya pemeriksa luar.
3. PhD secara Mod Campuran  
Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya 2 pemeriksa, 1 daripadanya ialah pemeriksa luar.

4. PhD secara Penyelidikan

Tesis wajib diperiksa oleh sekurang-kurangnya tiga orang pemeriksa, dua daripadanya ialah pemeriksa luar.

## 6. PEMILIHAN PELAJAR

Bahagian ini dalam dokumen Standard Program adalah berkaitan pengambilan pelajar ke setiap program pengajian. Secara umum, dasar kemasukan program perlu mematuhi dasar semasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

“Terdapat perbezaan pandangan tentang kaedah terbaik pemilihan pelajar. Namun, apa jua kaedah yang digunakan, pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mestilah berupaya untuk mempertahankan ketekalannya. Bilangan pelajar yang bakal diterima masuk ke sesuatu program ditentukan oleh kapasiti PPT berkenaan dan bilangan pemohon yang berkelayakan. Dasar kemasukan dan pengekalan pelajar sesebuah PPT itu tidak harus dikompromi semata-mata kerana hasrat PPT untuk mengekalkan bilangan pengambilan pelajar yang tertentu. Sekiranya PPT itu mengendalikan beberapa kampus yang berbeza lokasinya, atau sekiranya sesuatu program itu merupakan program yang dikendalikan secara kerjasama, pemilihan dan penempatan semua pelajar mestilah konsisten dengan dasar kebangsaan” (COPPA, 2010, ms.24).

Standard untuk pengambilan pelajar digubal berpandukan polisi generik pengajian tinggi negara berkaitan keperluan minimum pengambilan pelajar. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mesti mengambil kira dasar-dasar tertentu yang terpakai kepada institusi pengajian masing-masing.

Standard minimum adalah seperti berikut:

### SIJIL

- i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya 1 kredit dalam mana-mana mata pelajaran dan lulus Bahasa Inggeris;  
ATAU
- ii. Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 2 dan lulus SPM dengan lulus Bahasa Inggeris.

## DIPLOMA

- i. Lulus SPM atau setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya 3 kredit dalam mana-mana mata pelajaran, termasuk Bahasa Inggeris;  
ATAU
- ii. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam mana-mana mata pelajaran dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- iii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya gred *Maqbul* dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- iv. Lulus SKM tahap 3 dan lulus SPM dengan kredit dalam Bahasa Inggeris;  
ATAU
- v. Sijil atau setaraf dengannya dan mendapat kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- vi. Sijil dalam Media dan Komunikasi atau yang setaraf dengannya.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 500 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 5.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

## IJAZAH SARJANA MUDA

- i. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam mana-mana dua mata pelajaran dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU

- ii. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya gred *Jayyid* dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- iii. Diploma atau yang setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- iv. Diploma Media dan Komunikasi atau yang setaraf dengannya;  
ATAU
- v. Matrikulasi/Asasi atau setaraf dengannya, sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan kredit dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 500 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 5.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

#### **IJAZAH SARJANA SECARA KERJA KURSUS**

- i. Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50, seperti yang diterima oleh Senat PPT;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya, dan tidak mencapai PNGK 2.50 boleh diterima masuk tertakluk kepada sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa



Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

### **IJAZAH SARJANA SECARA MOD CAMPURAN DAN SECARA PENYELIDIKAN**

- i. Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.75, seperti yang diterima oleh Senat PPT;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya, dengan sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75, boleh diterima masuk bergantung kepada penilaian dalaman yang rapi;  
ATAU
- iii. Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya, dan tidak mencapai PNGK 2.50, boleh diterima masuk tertakluk kepada sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

### **PhD SECARA MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN**

- i. Ijazah Sarjana, seperti yang diterima oleh Senat PPT;  
ATAU
- ii. Kelayakan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana, seperti yang diterima oleh Senat PPT.

Bagi pelajar antarabangsa, Ujian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (TOEFL) dengan skor 600 ATAU *International English Language Testing System* (IELTS) dengan skor 6.0 ATAU yang setaraf dengannya adalah diperlukan. Sekiranya pelajar tidak memenuhi keperluan ini, PPT mesti menawarkan kursus penguasaan Bahasa

Inggeris untuk memastikan penguasaan pelajar adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan program. Ini biasanya dilakukan melalui proses penilaian.

**Nota untuk PhD secara penyelidikan sahaja:**

- i. Tiada kemasukan terus daripada tahap Ijazah Sarjana Muda ke tahap PhD.
- ii. Calon yang mendaftar untuk program tahap Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya PNGK 3.67 pada tahap Ijazah Sarjana Muda boleh memohon untuk menukar pendaftaran pengajian ke program PhD, tertakluk kepada ketetapan berikut:
  - a) telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap PhD.
  - b) mendapat kelulusan daripada Senat PPT.

## 7. STAF AKADEMIK

“Kualiti staf akademik adalah salah satu komponen yang amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi. Oleh itu, segala usaha perlulah diambil bagi memastikan dasar berhubung pengambilan staf yang tepat dan berkesan, perkhidmatan, pembangunan dan penilaian tenaga akademik yang kondusif terhadap produktiviti staf” (COPPA, 2010, ms.29).

### SIJIL

Kelayakan staf akademik:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan;  
ATAU
- ii. Diploma dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam industri berkaitan atau mempunyai kelayakan profesional dalam bidang berkaitan (Program ini tidak seharusnya mengambil bekerja lebih daripada 50% staf dalam kategori ini);  
ATAU
- iii. Sijil dengan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam industri berkaitan atau mempunyai kelayakan profesional dalam bidang berkaitan (berkelayakan untuk mengajar kelas praktikal sahaja).

Nisbah staf akademik:

- Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 50% adalah staf sepenuh masa
- 20% daripada staf mempunyai pengalaman dalam industri/sangkutan dalam bidang berkaitan

Nisbah staf-pelajar:

- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:30
- Nisbah kelas berasaskan kemahiran – 1:20

## DIPLOMA

Kelayakan staf akademik:

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan;  
ATAU
- ii. Diploma dengan sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam industri di peringkat penyeliaan dalam bidang yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar (Program ini tidak seharusnya mengambil bekerja lebih daripada 50% staf dalam kategori ini).

Nisbah staf akademik:

- Sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 50% adalah staf sepenuh masa
- Sekurang-kurangnya 20% daripada staf perlu mempunyai pengalaman dalam industri/sangkutan dalam bidang yang berkaitan

Nisbah staf-pelajar:

- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:25
- Nisbah kelas berasaskan kemahiran – 1:20

## IJAZAH SARJANA MUDA

Kelayakan staf akademik:

Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan.

Nisbah staf akademik:

- Sepenuh masa dan separuh masa - sekurang-kurangnya 70% adalah staf sepenuh masa
- Sekurang-kurangnya 20% daripada staf perlu mempunyai pengalaman dalam industri/sangkutan dalam bidang yang berkaitan

Nisbah staf-pelajar:

- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:20
- Nisbah kelas berasaskan studio (TV, Radio, Fotografi, Video ) – 1:15
- Juruteknik makmal komputer-pelajar – 1:30

## IJAZAH SARJANA

Kelayakan staf akademik/penyelia:

- i. PhD dalam bidang yang berkaitan;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dengan sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama;
- iii. Kriteria tambahan adalah tertakluk kepada kelulusan Senat PPT.

Kelayakan Penyelia:

- i. Apabila terdapat hanya seorang penyelia, penyelia tersebut mesti merupakan staf sepenuh masa di PPT yang menganugerahkan ijazah.
- ii. Apabila terdapat lebih daripada seorang penyelia, penyelia utama mesti merupakan staf sepenuh masa di PPT yang menganugerahkan ijazah.

Nisbah staf akademik:

- sepenuh masa dan separuh masa – sekurang-kurangnya 70% adalah staf sepenuh masa

Nisbah staf-pelajar:

- Nisbah keseluruhan staf-pelajar – 1:15 (secara kerja kursus dan mod campuran)

Nisbah penyelia-pelajar:

- Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:5 (secara kerja kursus dan mod campuran )
- Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:4 (secara penyelidikan)

## PhD SECARA MOD CAMPURAN DAN PENYELIDIKAN

Kelayakan staf akademik:

- i. PhD dalam bidang yang berkaitan dengan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam pengajaran dan penyelidikan atau sebagai penyelia bersama.

- ii. Jika staf tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan, pengalaman penyelidikan dan penyeliaan secara meluas adalah kriteria tambahan dan tertakluk kepada kelulusan Senat PPT.

Nisbah penyelia-pelajar (secara penyelidikan):

- Nisbah keseluruhan penyelia-pelajar – 1:3

### **Pembangunan Staf**

Staf akademik adalah penting dalam penyampaian program yang berkualiti dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan, serta menghasilkan graduan yang layak untuk bekerja dan diterima oleh industri. Sebagai industri yang dinamik dan dipengaruhi secara global, staf akademik perlu seiring dengan perubahan persekitaran global. Oleh itu, PPT perlu memastikan semua staf akademik perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka.

PPT harus menyediakan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) sekurang-kurangnya 40 jam (bersamaan dengan tujuh hari) melibatkan latihan yang berkaitan dalam setahun atau penyertaan atau penglibatan dalam bidang kepakaran masing-masing untuk memenuhi:

- i. Pembangunan profesional untuk staf sepenuh masa.
- ii. Kemahiran pengajaran dan pembelajaran terkini.
- iii. Kemahiran penyelidikan dan penyeliaan terkini.
- iv. Sangkutan industri (jika diperlukan oleh PPT).
- v. Penyelidikan, perundingan dan penglibatan dalam khidmat masyarakat.

## 8. SUMBER PENDIDIKAN

“Sumber pendidikan yang secukupnya adalah perlu untuk menyokong segala kegiatan pengajaran-pembelajaran sesuatu program. Sumber ini termasuk kewangan, kepakaran, infrastruktur fizikal, teknologi maklumat dan komunikasi, dan kemudahan penyelidikan. Kemudahan fizikal sesuatu program biasanya ditentukan oleh keperluan sesuatu bidang pengajian” (COPPA, 2010, ms.32).

Untuk program Pengajian Media dan Komunikasi, PPT dikehendaki menyediakan bilik kuliah, bilik tutorial dan makmal media yang mencukupi dan lengkap dengan sokongan teknikal dan kemudahan bagi memenuhi keperluan pembelajaran berpusatkan pelajar. Bagi penyelidikan dalam program pascaijazah, calon harus disediakan ruang kerja yang kondusif. Sumber pendidikan merangkumi:

### SIJIL, DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA

- Makmal Media
- Studio (bagi program yang menawarkan pengkhususan perfileman atau penyiaran)
- Bilik Kuliah (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
- Bilik Tutorial (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
- Perpustakaan (termasuk sumber atas talian)
- Akses Internet
- Akses mencukupi terhadap perisian dan perkakasan berlesen yang berkaitan mengikut keperluan program dan pelajar

### IJAZAH SARJANA DAN PhD

- Makmal Media
- Studio (bagi program yang menawarkan pengkhususan perfileman atau penyiaran)
- Ruang istirahat dengan stesen kerja
- Bilik Kuliah (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
- Bilik Tutorial (dengan kemudahan audio visual yang mencukupi)
- Perpustakaan (termasuk sumber atas talian)
- Akses Internet

- Akses mencukupi terhadap perisian dan perkakasan berlesen yang berkaitan mengikut keperluan program dan pelajar

**Sumber Pendidikan Yang Dicadangkan:**

- Arkib Digital



## 9. PEMANTAUAN DAN SEMAKAN PROGRAM

“Penambahbaikan kualiti menuntut agar program sering dipantau, disemak dan dinilai. Kegiatan ini mencakupi memantau, menyemak dan menilai struktur dan proses institusi (struktur pentadbiran, kepimpinan dan governan, mekanisme perancangan dan semakan), komponen kurikulum (sukatan pelajaran, kaedah pengajaran, hasil pembelajaran), di samping kemajuan, prestasi dan kebolehpasaran pelajar” (COPPA, 2010, ms.36).

PPT yang menawarkan program Media dan Komunikasi mesti meletakkan kepentingan terhadap maklum balas berterusan dari pelbagai pihak berkepentingan, terutama rakan industri, masyarakat sivil (Pertubuhan Bukan Kerajaan, NGO), penilai luar, alumni, pelajar, ibu bapa, staf akademik dan majikan.

Ini mesti dilakukan secara tetap dan sistematik melalui penglibatan industri dan kaji selidik. Maklum balas daripada NGO, misalnya, diperoleh melalui penilaian *internship* yang disediakan di akhir program latihan pelajar. Selain itu, penilaian tersebut juga diperoleh daripada rakan industri melalui soal selidik secara berkala. PPT boleh memulakan analisis data melalui kajian pengesanan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Untuk memastikan bahawa ini dijalankan dengan cara sistematik yang berterusan, setiap PPT perlu menubuhkan unit pemantauan dan semakan yang terdiri daripada staf yang berkaitan.

Strategi ini membolehkan PPT mengesan perkembangan dalam bidang tersebut dengan lebih luas, dalam dan luar negara. Ini akan memastikan kesesuaian dan keberkesanan program.

## 10. KEPEMIMPINAN, GOVERNAN DAN PENTADBIRAN

“Terdapat pelbagai cara mentadbir sesebuah Institusi Pendidikan dan kaedah pengurusannya berbeza antara Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT). Walaupun begitu, governan yang mencerminkan kepimpinan sesebuah organisasi pendidikan mestilah menumpukan penekanan ke atas aspek kecemerlangan dan kesarjanaan. Di peringkat jabatan, adalah amat penting bagi kepimpinan menyediakan garis panduan dan hala tuju yang jelas di samping membina perhubungan antara pelbagai kumpulan berdasarkan semangat keserakanan dan ketelusan, mengurus kewangan dan sumber-sumber lain dengan penuh tanggungjawab dan mengadakan perkongsian bersama pihak berkepentingan utama dalam bidang penyampaian, penyelidikan serta perundingan pendidikan. Kepimpinan jabatan hendaklah sentiasa mencurahkan dedikasi dalam segala usaha akademik dan kesarjanaan. Walaupun ikatan yang formal dapat menjamin dan mempertahankan hubungan-hubungan sebegini, ia paling berkesan dibangunkan melalui satu budaya hubungan timbal balik permuafakatan dan komunikasi terbuka” (COPPA, 2010, ms.38).

Dokumen ini tidak membangkitkan isu yang berkaitan dengan tadbir urus dan pentadbiran kerana hal ini melibatkan peringkat institusi dan bukannya di peringkat program. Dalam program ini, kepimpinan akademik tertumpu kepada individu yang berkelayakan dan sesuai untuk menjalankan pemantauan kurikulum dan semakan yang diperlukan terhadap pembangunan komunikasi. Para pemimpin program harus menunjukkan pengetahuan yang mencerminkan sifat nilai etika yang baik dalam amalan kerja.

Keperluan kepimpinan standard program ini adalah melengkapkan Bidang 8 dalam dokumen COPPA. Oleh itu, jawatan tertentu dan jawatan kepimpinan program (misalnya, Penyelaras, Ketua Jabatan atau Ketua Program) yang ditawarkan pada tahap yang berbeza dalam institusi mesti sebaik-baiknya memenuhi kelayakan dan pengalaman berikut:

### SIJIL DAN DIPLOMA

Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Media dan Komunikasi atau bidang berkaitan dengan dua tahun pengalaman yang berkaitan.

**IJAZAH SARJANA MUDA**

Ijazah Sarjana dalam Pengajian Media dan Komunikasi atau bidang berkaitan dengan dua tahun pengalaman yang berkaitan.

**IJAZAH SARJANA**

- i. PhD dalam Pengajian Media dan Komunikasi atau bidang berkaitan;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dalam Pengajian Media dan Komunikasi dengan tiga tahun pengalaman berkaitan dalam bidang yang berkaitan.

**PhD**

- i. PhD dalam Pengajian Media dan Komunikasi dengan tiga tahun pengalaman berkaitan dalam bidang yang berkaitan;  
ATAU
- ii. Ijazah Sarjana dalam Pengajian Media dan Komunikasi dengan lima tahun pengalaman yang berkaitan.

**AHLI LEMBAGA PENGAJIAN**

PPT perlu menyediakan Lembaga Pengajian yang berwibawa dan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memulakan dan menyusun semula program Pengajian Media dan Komunikasi. Lembaga Pengajian hendaklah terdiri daripada sarjana kanan media dan komunikasi, penilai akademik luar, pelajar, pakar bidang dan pengamal industri.

## 11. PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN

“Tuntutan masyarakat terhadap akauntibiliti PPT terus meningkat. Keperluan terus berubah, disebabkan kemajuan dalam sains dan teknologi dan ledakan pertumbuhan pengetahuan global yang semakin pantas serta luas tersebar. Dalam menghadapi segala cabaran ini, PPT tidak mempunyai pilihan selain menjadi organisasi pendidikan dinamik yang perlu secara sistematik dan berterusan, memantau dan mengkaji pelbagai isu demi merealisasikan segala tuntutan persekitaran yang sentiasa berubah ini” (COPPA, 2010, ms.41).

PPT dikehendaki membuktikan keupayaan mereka untuk bergerak seiringan dengan perubahan dalam bidang dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan. Ini boleh ditunjukkan melalui, tetapi tidak terhad kepada:

- i. semakan kurikulum dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun; kecuali program pada peringkat Sijil yang disemak semula setiap dua tahun;
- ii. proses penilaian kualiti oleh pengulas luar yang berkeelayakan dalam bidang yang berkaitan;
- iii. hubungan dengan jabatan, agensi, NGO dan industri yang berkaitan;
- iv. semakan latihan yang disediakan oleh jabatan, agensi, NGO dan industri yang berkaitan;
- v. sesi dialog dengan pihak berkepentingan sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun;
- vi. penyertaan aktif staf akademik di persidangan, seminar, bengkel dan kursus jangka pendek yang berkaitan;
- vii. pembentangan oleh penceramah jemputan tempatan atau antarabangsa; dan
- viii. penganjuran persidangan, seminar dan bengkel.

## RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia (2007). Kerangka Kelayakan Malaysia – KKM. Petaling Jaya, Malaysia.

Agensi Kelayakan Malaysia (2008). Kod Amalan Akreditasi Program – COPPA. Petaling Jaya, Malaysia.

Agensi Kelayakan Malaysia (2012). Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum. Petaling Jaya, Malaysia.


Agensi Kelayakan Malaysia (2013). Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh. Petaling Jaya, Malaysia.

**AHLI PANEL**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>ORGANISASI</b>
1.	Mohd. Safar Hasim (Prof. Dr.) -Pengerusi	Universiti Kebangsaan Malaysia
2.	Abd. Jalil Ali (Datuk)	Kumpulan Media Karangkrif Sdn. Bhd.
3.	Ahirudin Attan (Datuk)	The Mole
4.	Mohd. Adnan Hashim (Prof. Madya Dr.)	Universiti Teknologi MARA Melaka
5.	Sharon Adeline Bong (Dr.)	Monash University Malaysia
6.	Wan Norhiyati Ibrahim (Datin)	Mae Public Relations
7.	Zaharom Nain (Prof.)	The University of Nottingham Malaysia Campus

### KORPUS ILMU

#### SASTERA, KEMANUSIAAN DAN SAINS SOSIAL



Sejarah

Sosiologi

Ekonomi

Bahasa

Sains Politik

Falsafah

Pengajian Gender

Psikologi

Pengajian Kesusasteraan

## **CADANGAN TATANAMA PROGRAM DALAM BIDANG PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI**

Senarai berikut disusun berdasarkan pendekatan yang digunakan dalam penawaran program.

### **SIJIL**

Sijil Periklanan  
Sijil Penyiaran  
Sijil Kewartawanan  
Sijil Komunikasi Massa  
Sijil Perhubungan Awam

### **DIPLOMA**

Diploma Periklanan  
Diploma Penyiaran  
Diploma Komunikasi  
Diploma Kewartawanan  
Diploma Komunikasi Massa  
Diploma Pengajian Media Baru  
Diploma Perhubungan Awam

### **IJAZAH SARJANA MUDA**

Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan (Komunikasi Massa)  
Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan (Komunikasi dan Pengurusan Media)  
Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan (Pengajian Media)  
Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan (Pengajian Komunikasi)  
Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dalam Komunikasi Massa  
Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan dalam Penyiaran dan Kewartawanan  
Ijazah Komunikasi



Ijazah Komunikasi (Pengajian Media)

Ijazah Komunikasi (Penyiaran)

Ijazah Komunikasi (Periklanan)

Ijazah Komunikasi (Komunikasi Korporat)

Ijazah Komunikasi (Kewartawanan)

Ijazah Komunikasi (Komunikasi Pembujukan)

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Komunikasi Antarabangsa

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Komunikasi Antarabangsa dengan Bahasa dan Kesusasteraan Bahasa Inggeris

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Komunikasi Antarabangsa dengan Pengajian Filem dan Televisyen

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penyiaran)

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kewartawanan)

Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Penerbitan)

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi (Periklanan)

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi (Penyiaran)

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi (Kewartawanan)

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Media dan Komunikasi (Perhubungan Awam)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi dan Pengurusan Maklumat)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi dan Dasar Awam)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi Massa)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Pengajian Komunikasi)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Komunikasi Media)

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dan Kemanusiaan (Komunikasi)

## **IJAZAH SARJANA**

Sarjana Kesusasteraan (Komunikasi dan Pengajian Budaya)

Sarjana Kesusasteraan (Pengurusan Komunikasi)

Sarjana Kesusasteraan (Komunikasi)

Sarjana Pengurusan Perniagaan dalam Komunikasi dan Perhubungan Awam

Sarjana Komunikasi

Sarjana Komunikasi Korporat

Sarjana Komunikasi Massa

Sarjana Falsafah (Komunikasi)

Sarjana Sains (Komunikasi)

Sarjana Sains Sosial dalam Pengurusan Komunikasi

Sarjana Pengajian Media dan Komunikasi

Sarjana Pengajian Media Baru

## **PhD**

PhD (Komunikasi)

PhD (Komunikasi Manusia)

PhD (Komunikasi Massa)

PhD (Pengajian Media dan Komunikasi)

PhD (Pengajian Media Baru)

PhD Komunikasi

PhD Komunikasi Massa

## KURSUS-KURSUS DALAM PENGAJIAN MEDIA DAN KOMUNIKASI

Kursus **teras bidang** merangkumi – tetapi tidak terhad kepada – bidang berikut:

BIL.	KORPUS ILMU	TOPIK
1	Periklanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kempen Periklanan</li> <li>• Penulisan</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Perancangan Media</li> <li>• Prinsip-prinsip Periklanan</li> <li>• Prinsip-prinsip Pemasaran</li> <li>• Komunikasi Visual</li> </ul>
2	Penyiaran (Televisyen, Radio dan Video)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknik Animasi</li> <li>• Kritikan Penyiaran</li> <li>• Produksi Penyiaran</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Prinsip-prinsip Penyiaran</li> <li>• Penulisan Skrip</li> </ul>
3	Komunikasi Korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Prinsip-prinsip Komunikasi Korporat</li> <li>• Penulisan untuk Komunikasi Media</li> <li>• Pengurusan Korporat dan Dasar</li> <li>• Perhubungan Media</li> <li>• Pengurusan Krisis</li> <li>• Kempen Komunikasi Korporat</li> </ul>
4	Pengajian Kebudayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Polisi Kebudayaan</li> <li>• Budaya Kehidupan Sehari-hari</li> <li>• Budaya dalam Konflik</li> </ul>

BIL.	KORPUS ILMU	TOPIK
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasca-Kolonialisme</li> <li>• Media, Budaya dan Masyarakat</li> <li>• Globalisasi, Media dan Budaya</li> </ul>
5	Pengajian Filem	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajian Audiens</li> <li>• Sejarah Filem</li> <li>• Produksi Filem</li> <li>• Pengajian Genre</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Prinsip-prinsip Pengajian Filem</li> <li>• Penulisan Skrip</li> <li>• <i>Stardom/Fandom</i></li> </ul>
6	Komunikasi Instruksional	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka Bentuk Instruksional dan Aplikasi</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Prinsip Komunikasi Instruksional</li> <li>• Seminar dan Penilaian dalam Komunikasi Instruksional</li> <li>• Visual dan Persepsi</li> <li>• Penulisan untuk Komunikasi Instruksional</li> </ul>
7	Komunikasi Interpersonal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunikasi Keluarga</li> <li>• Gender dan Komunikasi</li> <li>• Kumpulan Dinamik</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Media Baru dan Masyarakat Jaringan</li> <li>• Prinsip Komunikasi Interpersonal</li> </ul>
8	Kewartawanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang dan Etika</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> </ul>

BIL.	KORPUS ILMU	TOPIK
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penulisan Berita dan Laporan</li> <li>• Kewartawanan dalam Talian</li> <li>• Kewartawanan Foto</li> <li>• Prinsip Kewartawanan</li> <li>• Kewartawanan Sukan</li> </ul>
9	Pengajian Media	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu-isu Kontemporari</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Penyelidikan Media dan Komunikasi</li> <li>• Teori Media dan Komunikasi</li> <li>• Media dan Etnik</li> <li>• Media dan Masyarakat</li> <li>• Audiens Media</li> <li>• Pendidikan Media</li> <li>• Etika dan Praktis Media</li> <li>• Literasi Media</li> <li>• Teks Media</li> </ul>
10	Media Baru dan Media Sosial	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan kepada Media Baru dan Media Sosial</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Pembinaan Laman Web</li> <li>• Suntingan Laman Web</li> <li>• Media Golongan Muda</li> </ul>
11	Komunikasi Politik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Media dan Konflik</li> <li>• Media dan Pasaran</li> <li>• Media Baru versus Media Lama</li> <li>• Propaganda</li> <li>• Negara dan Media</li> </ul>
12	Perhubungan Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Krisis</li> </ul>

BIL.	KORPUS ILMU	TOPIK
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Acara</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Perhubungan Media</li> <li>• Prinsip Perhubungan Awam</li> <li>• Pendapat Awam dan Pujukan</li> <li>• Projek Kaunseling Perhubungan Awam</li> </ul>
13	Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyuntingan Kopi</li> <li>• Penulisan Kreatif</li> <li>• e-Penerbitan</li> <li>• Grafik dan Susun atur</li> <li>• Undang-undang Media dan Komunikasi</li> <li>• Prinsip Penerbitan</li> </ul>
14	Agama dan Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Asas Agama Dunia</li> <li>• Pengajian Perbandingan Agama</li> <li>• Media dan Agama</li> <li>• Sejarah Etnik dan Stereotaip Keagamaan</li> <li>• Politik, Komunikasi dan Agama</li> <li>• Komunikasi dan Konflik Keagamaan</li> </ul>